

DATE: 21/5/2010

Dasar ekonomi Najib bawa kejayaan segera

BH-21/05/2010

KUALA LUMPUR: Kejayaan melonjakkan kedudukan daya saing Malaysia adalah bukti keyakinan terhadap pembaharuan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengubah ekonomi dan perkhidmatan awam, kata Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin.

"Ia petunjuk jelas berkaitan rangsangan ekonomi. Kita melakukannya dengan betul untuk mengharungi kemelesetan global dan melaksanakan pembaharuan utama bagi daya saing jangka panjang," kata Ahli Parlimen Rembau itu.

Beliau berkata strategi pembaharuan serampang dua mata yang dirangkumkan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Eko-

nomi (ETP) yang akan diperkenalkan dengan Model Baru Ekonomi (MBE) memberikan keyakinan dan kejelasan kepada pelabur global bahawa pelan hala tuju Perdana Menteri untuk mencapai kejayaan adalah meluas dan menyeluruh.

"Ia juga menunjukkan Malaysia tidak perlu meletakkan dirinya sebagai destinasi pelaburan dan rakan kongsi perdagangan hanya dengan menjadi lebih murah berbanding negara lain di rantau ini.

"Orang kini mahu menjalankan perniagaan dengan kita kerana ekonomi kita boleh menokok nilai kepada rantaian bekalan mereka dan persekitaran kawal atur cekap dan telus," katanya.

Najib, dalam komen beliau di laman sosial Facebook semalam menulis: *"Very pleased that Malaysia is now among the top 10 of IMD Competitiveness rankings. I'm assured that we are on the right track for growth (Amat gembira Malaysia kini antara 10 yang terbaik dalam kedudukan Daya Saing IMD. Saya yakin kita berada di landasan yang betul bagi pertumbuhan.)"*

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Razali Ibrahim, berkata kedudukan IMD yang tinggi itu menunjukkan bahawa negara bergerak dalam haluan yang betul.

"Peningkatan daya saing kita sepatutnya diterjemahkan menjadi satu pertumbuhan tinggi bagi negara dan

membantu kita ke arah mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang 2020," katanya.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Shahrir Samad, berkata kedudukan yang bertambah baik menunjukkan kejayaan transformasi korporat yang kerajaan sedang diusahakan.

"Daya saing adalah kunci penting bagi komuniti perniagaan dunia dan kedudukan Malaysia yang bertambah baik akan meletakkan semula kita di skrin radar komuniti kewangan dan perniagaan global.

"Peningkatan daya saing kita akan merangsangkan pelaksanaan MBE Perdana Menteri dengan menarik pe-

laburan asing yang sewajarnya, iaitu pekerjaan berkemahiran tinggi, untuk memberi faedah kepada isi rumah pendapatan rendah," katanya.

Shahrir berkata penting bagi Malaysia untuk menarik pelaburan yang betul bagi membawa negara dan rakyat kepada tahap pendapatan lebih tinggi dan adalah jelas kedudukan IMD yang bertambah baik akan banyak membantu.

Ketua Ekonomi RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng, pula berkata Najib berjaya mengenal pasti dengan tepat yang Malaysia memerlukan sumber pelaburan baru, dasar yang lebih fleksibel dan pekerja lebih mahir dengan keupayaan bertutur dalam bahasa Inggeris.